

Lebih 20,000 hadir jamuan Aidilfitri@Dataran Merdeka

Kuala Lumpur: Lebih 20,000 orang menghadiri jamuan hari raya Aidilfitri@Dataran Merdeka yang diadakan bermula jam 10 pagi hingga 2 petang semalam.

Majlis dianjurkan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan 120 masjid dan surau Jumaat terpilih di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, menyediakan pelbagai juadah termasuk ketupat, leman, nasi briyani, kambing golek untuk tetamu.

Pengarah JAWI, Datuk Mohd Ajib Ismail, berkata masjid dan surau Jumaat terpilih menyediakan gerai jamuan masing-masing dalam menyantuni tetamu dan menjamu hidangan secara

percuma kepada masyarakat dari pelbagai latar belakang, bangsa dan agama.

Katanya, konsep yang sama julung kali diadakan pada 2019 membabitkan 70 gerai sehingga tersenarai dalam The Malaysia Book of Records (MBR) bagi kategori Penganjuran Masjid Paling Banyak Dalam Acara Rumah Terbuka Hari Raya.

“Objektif utama Aidilfitri@Dataran Merdeka adalah untuk menjalin silaturahim dalam kalangan Keluarga Malaysia khususnya masyarakat sekitar Wilayah Persekutuan. Program ini juga diharap dapat membentuk semangat kerjasama dan persaudaraan dalam kalangan jawatan kuasa masjid di Wilayah Persekutuan.

“Ia juga diharap dapat menye-

mai sifat cakna dan prihatin terhadap golongan yang kurang berkemampuan serta memasyarakatkan dan mempromosi masjid di Wilayah Persekutuan sebagai pusat penyatuan ummah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis berkenaan yang disempurnakan Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias dan turut dihadiri Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Tan Sri Dr Mohd Daud Bakar.

Mohd Ajib berkata, selain jamuan hari raya, beberapa aktiviti turut diadakan termasuk persembahan istimewa kumpulan nasyid Rabbani dan sumbangan duit raya berjumlah keseluruhan RM35,000 kepada 616



Orang ramai mengambil juadah pada majlis Aidilfitri@Dataran Merdeka, Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Fathil Asri/BH)

penerima terdiri daripada anak-anak yatim, asnaf, pelajar tahfiz serta kanak-kanak.

“Turut disumbangkan adalah 1,700 naskhah waqaf al-Quran

kepada masjid, surau dan sekolah tahfiz sekitar Mentakab, Pahang; Kuala Terengganu dan Taman Sri Muda, Shah Alam,” katanya.